


Nama :

Tarikh :




MODUL INTERAKTIF : LATIHAN PSV 2 – SENI HALUS

A. LUKISAN

Soalan 1 – 4 berpandukan gambar yang diberi. Nyatakan perkara asas / kaedah yang dilakukan sebelum melukis.

1		2	
Jawapan : G D		Jawapan : E N N	
3		4	
Jawapan : T E G A		Jawapan : K A	

Soalan 5-7 berdasarkan gambar di bawah.

i) 	ii) 	iii) 
---	--	---

- Pasangan yang menunjukkan sudut pandangan Perspektif 2 titik lenyap ()
- Pasangan yang menunjukkan sudut pandangan Perspektif 1 titik lenyap ()
- Pasangan yang menunjukkan sudut pandangan Perspektif 3 titik lenyap ()

B. CATAN

Soalan 8 – 13 mengenal pasti teknik cat minyak. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

8. _____ menggunakan berus untuk **membentuk titik-titik** warna. Kesan titikan warna terhasil daripada campuran warna.
9. _____ terhasil seperti **catan yang dipotong-potong**. Menggunakan **masking tape** untuk memisahkan warna.
10. _____ proses mewarna secara **tepat dan spontan** dengan sapuan warna terus daripada tiub. Pilihan warna perlu tepat kerana teknik ini tiada lapisan kedua. Sesuai untuk menghasilkan **catan di luar bangunan**.
11. _____ yang menampilkan **kilauan**. Dibentuk dengan sapuan berus bersahaja.
12. _____ menggunakan warna tiub yang banyak tetapi **tidak menggunakan minyak linsid**. Kesan palitan-palitan warna membentuk imej. Teknik ini menggunakan berus atau **palitan pisau palet**.
13. _____ menggunakan berus yang terkawal. Lapisan **warna legap atau separuh legap** pada permukaan catan untuk mendapatkan **kesan kusam** dan berjalinan. Warna disapu secara opaque ke atas lapisan yang sebelumnya. Boleh disapu secara rata, lut sinar atau impasto.

C. ARCA

Soalan 14-16 Isi tempat kosong. Berikan definisi arca dan kategori arca.

14. Arca berasal dari bahasa Latin iaitu _____ bermaksud satu proses mengukir, melarik, mencungkit dan menggores.
15. Arca _____ jenis karya 3D diperagakan untuk nilai estetika. Memerlukan daya pemikiran yang kritis untuk memahami maksud atau menginterpretasikannya.
16. Arca _____ adalah rekaan 3D yang dihasilkan kerana mempunyai tujuan tertentu. Contoh di bina taman permainan bagi membolehkan kanak-kanak bermain didalamnya.

Soalan 17-20 susun semula proses membuat arca dengan betul. Susun dengan huruf permulaan (A hingga D) diruang yang disediakan.

17. Membuat arca – Peringkat penghasilan karya sebenar. Pembinaan berdasarkan teknik yang bersesuaian bergantung pada jenis arca yang hendak dibuat.
18. Pengolahan idea – Peringkat penentuan bentuk arca dan jenis bahan yang dipilih. Olahan idea perlu berpandukan asas dan prinsip seni reka.
19. Kemasan dan persembahan – memerlukan kerja-kerja menghaluskan permukaan, mengecat, menggilap, mengecat atau menyapu syelek.
20. Membuat model – Model digubah berdasarkan lakaran. Model dijadikan garis panduan dengan menggunakan kertas keras, tanah liat atau plaster of paris.

D. CETAKAN

Soalan 21-24 adalah mengenal pasti jenis-jenis cetakan.

21.	_____ juga dikenali sebagai <i>Relief print</i> iaitu menggunakan potongan kayu atau lino sebagai blok cetakan. Merupakan tekni cetakan tertua di China pada kurun ke-16.	
22.	_____ turut dikenali sebagai cetakan litografi yang menggunakan batu khas sebagai blok cetakan. Ciri-ciri cetakan berdasarkan sifat penolakan minyak dengan air.	
23.	_____ dikenali juga sebagai <i>Etching printmaking</i> , terbahagi kepada 2 proses iaitu Gurisan yang menggunakan plat logam tahan asid atau Akuatin yang menggunakan Rosin bagi menutup plat tahan asid. Gurisan dihasilkan menggunakan objek yang tajam seperti jarum atau paku untuk menghasilkan imej pada plat.	
24.	_____ ialah kaedah cetakan yang menggunakan pемidang sutera saring. Dikenali juga sebagai proses cetakan sutera saring / sarigrafi / <i>silk screen</i> . Penggunaan sekuji sebagai alat cetakan digunakan untuk meratakan warna semasa proses mencetak.	

SOALAN TAMAT